



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 13, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511
Faks : 603-88886188

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 17 MEI 2010

Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan masyarakat bahawa penularan jangkitan Influenza A(H1N1) terus aktif di dalam komuniti. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Bagi mengekang penularan ini secara efektif, adalah amat penting bagi mereka yang mempunyai gejala ILI supaya TIDAK pergi ke tempat tumpuan awam sedemikian. Mereka yang mengalami gejala ILI hendaklah segera mendapatkan pemeriksaan perubatan di klinik-klinik berhampiran. Rawatan awal penting bagi mengelakkan berlakunya komplikasi dan kematian. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta SENTIASA memakai penutup hidung dan mulut serta mengamalkan adab batuk dan kebersihan diri yang baik. Perkara ini amat penting bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain. Masyarakat juga boleh membantu dengan melaporkan kejadian kluster ILI ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 17 Mei 2010, Kementerian telah menerima satu (1) laporan kejadian kluster ILI dari negeri Perak seperti di Lampiran 1.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 16 Mei 2010, sejumlah 26 kes disahkan Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,411. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 629 kes. Daripada jumlah tersebut, 67 kes (10.7%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah sebelas (11) kes dengan lapan (8) daripadanya mempunyai faktor risiko.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan

kemudahan pelalian H1N1 kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 17 Mei 2010